



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



Sembelit Merah Darah penawar diabetes

➔ Spesies di Hutan Royal Belum berpotensi dikomersialkan



Info

Pokok Sembelit Darah Merah

- ➔ **Dari** rumpun keluarga Connaraceae
- ➔ **Nama** saintifik *Rourea mimosoides*
- ➔ **Ciri** daun tersusun seragam

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

➤ Gerik

Penghidap diabetes atau kencing manis mungkin ada harapan untuk pulih daripada penderitaan akibat penyakit itu selepas saintis Universiti Teknologi MARA (UiTM) menemui sejenis tumbuhan yang berpotensi dibangunkan bagi merawat penyakit itu.

Pokok yang dipanggil pokok Sembelit Merah Darah atau nama saintifiknya, *Rourea mimosoides* dikesan berupaya merawat penyakit diabetes Tahap 2 (T2D) dengan kemampuan mengurangkan paras glukos dalam darah.

Ia ditemui sekumpulan saintis dari Institut Penyelidikan Produk Semula Jadi Atta-ur-Rahman (Au-



Ekstraknya menolong sistem badan memproses glukos"

Mohd Ilham Adnan,
Saintis Institut Penyelidikan
Produk Semula Jadi Atta-ur-
Rahman, UiTM

Rins), UiTM diketuai Prof Dr Mohd Ilham Adnan ketika Ekspedisi Saintifik Keempat di Hutan Royal Belum, pada 8 hingga 15 September tahun lalu.

Gegar industri farmasi

Ketika membentangkan kertas kerja mengenai penemuan yang dianggap bakal menggegarkan industri farmaseutikal negara khususnya dalam rawatan diabetes, Mohd Ilham berkata, kumpulannya mengumpulkan 122 sampel tumbuhan ditemui di hutan berkenaan.

Daripada 122 sampel berkenaan, katanya, dua tumbuhan yang diproses di makmal kemudian didapati mengandungi bahan penggalak meningkatkan kandungan glukos dalam darah iaitu pokok Kemonyang dan pokok Sembelit Merah Darah yang mempunyai penggalak merawat T2D.

"Hasil ujian makmal dan saringan mendapati ekstrak dari daun mengurangkan paras lipid dalam darah kerana lipid akan menjadi lemak, menyebabkan obesiti. Kedua, ekstraknya menolong sistem badan memproses glukos supaya tidak berkumpul dalam tubuh.

"Ketiga, ia menunjukkan keupayaan untuk sentiasa memproses gula dalam badan, sekali gus membantu paras gula dalam badan berada dalam keadaan normal dan merawat diabetik. Pokok Kemonyang tidak mempunyai aspek ciri-ciri ketiga, maka tidak sesuai untuk rawatan diabetes tahap 2," katanya.

Simposium tiga hari mulai 23 hingga 25 Mei lalu menjadi medan kepada 33 saintis dari pelbagai universiti dan agensi kerajaan membentangkan kertas kerja mengenai hasil penemuan sepanjang lapan hari ekspedisi yang ditaja Yayasan Pulau Banding (PBF) merangkumi pelbagai spesies flora dan fauna.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

